

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 6 AUGUST 2016   |

Menilai motif Dr. Mahathir tubuh parti baharu

# Ahli UMNO perlu bijak

um - 6/8/2016

**BALING 5 Ogos** - Ahli UMNO perlu bijak menilai motif perjuangan kepemimpinan parti baharu yang dipelopori Tun Dr. Mahathir Mohamad dan tidak terpengaruh untuk menyertai mereka.

Bendahari UMNO, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, pihaknya percaya kepemimpinan parti baharu tentunya berusaha mempengaruhi ahli UMNO di peringkat bahagian dan cawangan bagi mendapatkan sokongan.

"Kita kena tengok apa motif mereka, mereka dahulu bersama kita (UMNO) dan kita tengok apa yang mereka ucapkan ketika dalam parti kita, apabila keluar parti, apa yang mereka katakan sekarang.

"Tun Mahathir sendiri menjadi Perdana Menteri kerana UMNO dan terhutang budi dengan UMNO, sekarang beliau bercerita benda yang salah yang dia kata

UMNO harus disingkir hanya kerana beliau tidak bersetuju dengan Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Wanita UMNO Bahagian Baling di sini, hari ini.

Turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim dan Ketua Wanita bahagian itu, Datuk Dr. Mashitah Ibrahim.

Salleh yang juga Menteri Komunikasi dan Multimedia berkata, ahli UMNO juga perlu menilai serta tidak menerima bulat-bulat setiap maklumat diterima khususnya dalam media sosial, yang bertujuan mempengaruhi pemikiran mereka.

Katanya, musuh parti akan menjadikan pemimpin tertinggi negara sebagai sasaran dengan menyebarkan pelbagai fitnah bagi

menggugat keyakinan rakyat terhadap kepemimpinan negara.

"Fitnah di media sosial ini umpama surat layang moden dan kita harus hati-hati supaya mereka tidak dapat merosakkan perpaduan dalam kalangan kita," katanya.

Dalam perkembangan lain, Salleh meminta orang ramai memberikan maklumat berhubung aktiviti kumpulan militan Daesh dalam usaha mengekang kegiatan keganasan di negara ini.

Katanya, kerajaan telah mengambil tindakan menyekat laman sesawang dan blog yang mempunyai unsur keganasan, namun tidak dapat memantau secara keseluruhan berikutan perkembangan teknologi masa kini.

"Ancaman militan Daesh ini amat serius dan perlu ditangani secara bersama," katanya. - BERNAMA